



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BBST BUSINESS PARK
PERSIARAN SATU
43900 SEPANG

TEL: 03-87782000
FAKS: 03-87782142
Web: www.mpsepang.gov.my

KANDUNGAN:

MPSepang SERTA PERBARISAN KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI	1
HARI BERTEMU PELANGGAN MPSepang	1
PENGERUSI JPP TERIMA JALUR GEMILANG	1
MINI IMR DITERUSKAN DI ZON DENGKIL	2
KUIZ KEMERDEKAAN PUPUK SEMANGAT CINTAKAN NEGARA	2
SENAMROBIK & SUKANEKA KEMERDEKAAN	2
PERTANDINGAN FUTSAL ANTARA JPP	2
PESTA MAKAN BUAH- BUAHAN TEMPATAN	2

ANDA YANG BERMINAT MENYUMBANG
PENDAPAT ATAU KARYA
SILA BERHUBUNG DENGAN:

Bahagian Perancangan
dan Perhubungan Awam,
Jabatan Perancangan Korporat,
BBST Business Park, Persiaran Satu,
43900 Sepang.

BULETIN SEMARAK API

SEPTEMBER 2007

PERCUMA

MPSepang SERTA PERBARISAN KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI

Seramai 45 orang kakitangan MPSepang telah dipilih untuk menyertai perbarisan kemerdekaan peringkat Negeri Selangor yang diadakan di Dataran Shah Alam pada 31 Ogos lalu. Acara yang bermula dari pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 12.00 tengahari tersebut telah disambut dengan meriah dihadiri oleh pemimpin-pemimpin Negeri Selangor.



Kontigen MPSepang berbaris dengan bergaya

Penonton yang hadir



HARI BERTEMU PELANGGAN MPSepang

Majlis Perbandaran Sepang telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan di perkarangan kaunter hasil, Blok Barat, bangunan MPSepang pada 10 Ogos lalu. Program yang diadakan sebulan sekali ini iaitu setiap Jumaat minggu ke-dua berperanan memberi peluang kepada pelanggan MPSepang berurusan terus dengan ketua-ketua jabatan MPSepang dari pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.



Penduduk berpeluang berjumpa Ketua Jabatan

PENGERUSI JPP TERIMA JALUR GEMILANG



Lagu Jalur Gemilang dinyanyikan

YDP menyerahkan bendera kepada setiap pengerusi zon



Bagi menyahut arahan untuk mengibarkan Jalur Gemilang, setiap Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk MPSepang telah diserahkan 240 helai bendera bagi diedarkan kepada wakil-wakil penduduk di zon masing-masing. Bendera-bendera tersebut telah disumbangkan oleh para kontraktor MPSepang sebagai tanda sokongan kepada program sambutan bulan kemerdekaan Negara.

MINI IMR DITERUSKAN DI ZON DENGKIL



Sepanjang program

Usaha mendekati rakyat diteruskan lagi dengan program Mini Inventori Masalah Rakyat di zon Dengkil pada 26 Ogos lalu pukul 8.00 malam di Dewan Orang Ramai Taman Gemilang. Program sebelumnya dihiasi dengan Penyampaian hadiah Pertandingan Lagu Patriotik yang disampaikan oleh Yang Dipertua MPSepang, Tn. Azizan b. Mohamad Sidin.

KUIZ KEMERDEKAAN PUPUK SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

Sempena menyambut ulangtahun kemerdekaan Negara yang ke 50, MPSepang telah mengadakan Kuiz Kemerdekaan dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Sepang pada 18 Ogos lalu di Dewan BBST. Kuiz yang disertai oleh para pelajar sekolah-sekolah di Daerah Sepang ini telah berjaya memupuk semangat cintakan Negara di peringkat warga muda.



Antara peserta yang terlibat

SENAMROBIK & SUKANEKA KEMERDEKAAN

Bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan 50 tahun, MPSepang telah mengadakan program senamrobik dan sukaneka di Stadium Perbandaran Sepang pada 25 Ogos lalu. Program bermula pada seawal 7.30 pagi tersebut berakhir pukul 3.00 petang.



Antara acara sukaneka



Sesi senamrobik

PERTANDINGAN FUTSAL ANTARA JPP

MPSepang telah menganjurkan pertandingan futsal antara JPP Zon di gelanggang futsal BBST pada 11 Ogos lalu. Pasukan futsal JPP Zon Cyberjaya telah meraih tempat pertama dalam pertandingan tersebut.



Antara pasukan yang bertanding

PESTA MAKAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN

Dalam usaha menggiatkan kempen makan buah tempatan, MPSepang telah mengadakan Pesta Buah-buahan di Dataran Semarak, MPSepang pada 27 Ogos lalu. Antara buah-buahan yang dihidang adalah rambutan, pulasan, durian, duku langsung, manggis dan mata kucing.



Sesi makan buah-buahan tempatan